

Budaya nasional Hofstede dan persepsi pelajar Hubungan Industri, Universiti Malaysia Sabah terhadap E Pembelajaran ketika pandemik Covid-19

ABSTRAK

Model Budaya National Hofstede mengetengahkan empat (4) dimensi iaitu budaya individualisme-kolektivisme, jarak kuasa, maskulin-feminin dan mengelakkan ketidakpastian. Model Hofstede mempengaruhi tingkahlaku individu dalam satu persekitaran budaya seperti pembelajaran dalam talian yang digunakan apabila berlaku pandemik COVID-19 dan arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Oleh itu, perbincangan dalam artikel ini melihat bagaimana nilai budaya Malaysia mempengaruhi penerimaan teknologi menerusi E-pembelajaran dalam kalangan mahasiswa Hubungan Industri di Universiti Malaysia Sabah (UMS). Kajian ini menumpukan kepada penggunaan smartv3 iaitu Learning Management System (LMS) yang disediakan untuk mahasiswa/i dan pensyarah di UMS. Pendekatan kuantitatif digunakan dalam kajian ini dengan analisis data deskriptif dan inferensi. Berdasarkan analisis deskriptif, dimensi mengelak ketidakpastian dan sikap kolektivisme berada pada tahap tinggi. Mahasiswa dalam kajian ini menggunakan e-pembelajaran untuk mengelak ketidakpastian dalam proses pembelajaran dan sikap kolektivisme masih kekal sebagai budaya rakyat Malaysia yang mendorong pelajar menerima E-pembelajaran. Kajian ini juga mendapati bahawa penerimaan teknologi menerusi E-pembelajaran berada pada tahap tinggi dan ini menunjukkan mahasiswa/i memanfaatkan sepenuhnya medium E-pembelajaran ketika PKP. Analisis regresi mendapati bahawa dimensi budaya Hofstede mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap penerimaan teknologi. Dengan Technology Acceptance Model (TAM), penerimaan terhadap teknologi terbahagi kepada tanggapan kebergunaan teknologi dan tanggapan mudah digunakan. Kajian ini mendapati budaya National Hofstede mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap persepsi menggunakan Smartv3 sebagai tanggapan kebergunaan. Sikap kolektivisme menjadi peramal yang dominan dalam mempengaruhi mahasiswa/i menggunakan E-pembelajaran, diikuti dengan dimensi mengelak ketidakpastian. Ini menunjukkan ketika PKP, mahasiswa/i menggunakan E-pembelajaran dan mereka sangat mementingkan maklumat, panduan dan pemantauan daripada para pensyarah untuk mendapatkan informasi lengkap berkaitan pengajian mereka.